



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***NILAI KEAGAMAAN DALAM NOVEL TERPILIH  
AZIZI HAJI ABDULLAH***

**NADIA BINTI ISHAK**

**FBMK 2021 58**



**NILAI KEAGAMAAN DALAM NOVEL TERPILIH  
AZIZI HAJI ABDULLAH**

Oleh

**NADIA BINTI ISHAK**

Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

November 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

**Allah SWT Yang Maha Esa**  
Ku syukuri nikmat kurniamu

Ayahanda dan Bonda:  
**DATO' HAJI ISHAK BIN HAJI AMIN**  
dan  
**DATIN HAJJAH AMRAH BINTI HAJI KHASBULLAH**  
Kasih sayangmu hingga ke syurga

Bonda Mertua:  
**SITI AISHAH BINTI SULAIMAN**  
Keprihatinanmu ku sanjungi

Allahyarham Suamiku:  
**AHMAD GHAZALI BIN AHMAD**  
Kasih sayang akan ku kenang hingga ke akhir hayatku

Adik beradikku:  
**MOHD EZUDDIN, MOHD EKMALLUDIN,  
AHMAD HOSNY MUBARAQ, NATASHA**  
Sokongan dan nasihat kalian ku genggam erat

Ipar duai:  
**UMI KHALTHOM, SAODAH, SAADIAH, HENDON, SALEH, KAHAR,  
FADZLINA, NURAIN, NURATIRA, HANIS**  
Terima kasih atas pengorbanan, keikhlasan dan kasih sayang

Sahabat-sahabat:  
**SASHA, DIANA, FERIN, ZAIRINA, PRISCILLA, TANG CHEW PENG**

Guru-guru dan Pensyarah-pensyarah yang menabur bakti:  
**SULTAN IBRAHIM GIRLS SCHOOL, JOHOR BAHRU  
SK BANDAR MERSING, JOHOR  
SMK UNGKU TUN AMINAH JOHOR BAHRU  
SUNWAY COLLEGE  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
Ilmu yang kau beri tiada ternilai harganya

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**NILAI KEAGAMAAN DALAM NOVEL TERPILIH  
AZIZI HAJI ABDULLAH**

Oleh

**NADIA BINTI ISHAK**

**November 2020**

**Pengerusi : Prof. Madya Kamariah binti Kamarudin, PhD  
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Sebuah karya sastera yang bermutu ialah karya yang dapat membimbang hati dan jiwa insaniah ke arah kebaikan dan ketakwaan. Justeru, bahan-bahan karya sastera yang diketengahkan perlu memaparkan nilai-nilai keagamaan yang kukuh agar dapat memberikan impak yang berkesan terhadap sahsiah dan akhlak manusia sejagat. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk merungkai nilai-nilai keagamaan yang terdapat di dalam novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah. Objektif kajian ini adalah pertama, mengenal pasti nilai-nilai keagamaan dalam novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Kedua, mengklasifikasikan nilai-nilai keagamaan dalam novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Ketiga, menganalisis nilai-nilai keagamaan dalam novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kerangka analisis kajian yang digunakan ialah teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Kajian ini dibuat berdasarkan sepuluh buah novel terpilih Azizi Haji Abdullah iaitu dekad 70-an; *Senja Belum Berakhir* (1971), *Ayah Bonda* (1978), dekad 80-an; *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Dee* (1987), dekad 90-an; *Cahaya di Pendalaman* (1992), *Suriati* (1993), *Ayahanda* (1997), 2000-an *Harga Sebuah Maruah* (2002), *Sangeetha* (2006), *Zikir Rindu* (2009). Secara ringkasnya, dapatkan kajian merumuskan bahawa novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah tidak memperlihatkan nilai-nilai keagamaan seperti yang dikehendaki. Menurut teori Pengkaedahan Melayu bagi meletakkan sesebuah karya sebagai karya yang mempunyai nilai keagamaan, karya tersebut perlu memperlihatkan ketiga-tiga prinsip pendekatan (Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni) dan empat ciri yang terdapat dalam setiap pendekatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Keagamaan. Dengan kedudukannya yang sedemikian, ketidaan salah satu prinsip pendekatan dan empat ciri tersebut ini, maka sesebuah karya tersebut tidak dapat dikemukakan sebagai karya yang memperlihatkan nilai-nilai keagamaan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**RELIGIOUS VALUES IN SELECTED NOVELS BY AZIZI HAJI  
ABDULLAH**

By

**NADIA BINTI ISHAK**

**November 2020**

**Chair : Assoc. Prof. Kamariah binti Kamarudin, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

A quality literary work is one that guides the heart and soul to goodness and piety. As such, the materials of the literary works need to display strong religious values in order to have a positive impact on the human personality and morals. The aim of the research is to unravel the religious values found in the selected novels of Azizi Haji Abdullah. The objective of the research is to identify the religious values in the selected novels of Azizi Haji Abdullah based on Religious Methodologies in Theory of Malay Methodology. Second, classifying religious values in the selected novels of Azizi Haji Abdullah based on Religious Methodologies in Theory of Malay Methodology. Third, analyse religious values in the selected novels of Azizi Haji Abdullah based on Religious Methodologies in Theory of Malay Methodology. The framework of the research is the Religious Methodologies in Theory of Malay Methodology, while the method used is the method of library and textual analysis. The research was conducted based on ten selected novels of Azizi Haji Abdullah which are in 70's; *Senja Belum Berakhir* (1971), *Ayah Bonda* (1978), 80's; *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Dee* (1987), 90's; *Cahaya di Pendalam* (1992), *Suriati* (1993), *Ayahanda* (1997), 2000's *Harga Sebuah Maruah* (2002), *Sangeetha* (2006), *Zikir Rindu* (2009). In summary, the findings of the study conclude that Azizi Haji Abdullah's selected novels do not reflect the desired religious values. According to the theory Malay Methodology for placing a work as religious works that have value, it must show the scope of the three approaches (preaching, society and art) and four criteria in Methodology of Religious. With such a position, lacking any scope of this approach, a work cannot be presented as a work that has elements of religious values.

## **PENGHARGAAN**

**Bismillahirrahmannirrahim**  
**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang**

Dengan penuh rasa syukur, pengkaji akur bahawa hanya dengan izin dan rahmat Allah SWT. yang tidak terhingga dan tidak ternilai maka kerja-kerja penulisan tesis doktor falsafah ini dapat disempurnakan dalam masa yang dijangkakan.

Sehubungan itu, pengkaji ingin melahirkan jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Kamariah binti Kamarudin, Prof. Madya Dr. Norazlina bte Mohd Kiram dan Dr. Halis Azhan bin Mohd Hanafiah yang sentiasa memberikan kerjasama dan nasihat serta pandangan yang sangat berguna hingga tesis ini dapat disempurnakan.

Akhirnya, sanjungan dan penghargaan istimewa untuk Allahyarham suami En. Ahmad Ghazali bin Ahmad atas pengorbanan, kesabaran serta kasih sayang yang tiada penghujungnya. Dedikasi khas juga untuk ayahanda Dato' Haji Ishak bin Haji Amin dan bonda Datin Hajjah Amrah bte Haji Khasbullah kerana keberkatan doamu, memakbulkan impian anakmu ini.

Wassalam

**NADIA BTE ISHAK**

Program PhD Kesusastraan Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
Serdang, Selangor Darul Ehsan

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Halil Azhan bin Mohd Hanafiah, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 09 Disember 2021

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Perakuan pelajar siswazah:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan pengesanan plagiat.

Tandatangan \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik.: Nadia binti Ishak, \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelian:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- Tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyelian:

---

Kamariah binti Kamarudin

Tandatangan:

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyelian:

---

Norazlina binti Haji Mohd Kiram

Tandatangan:

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyelian:

---

Halis Azhan bin Mohd Hanafiah

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Perkembangan Novel Berunsur Islam di Malaysia: Suatu Perbincangan Ringkas	3
1.2.1 Perkembangan Dekad 70-an	3
1.2.2 Perkembangan Dekad 80-an	4
1.2.3 Perkembangan Dekad 90-an	5
1.2.4 Perkembangan Dekad 2000-an	5
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian	11
1.7 Kaedah Kajian	13
1.8 Definisi Konsep	14
1.8.1 Nilai	14
1.8.2 Keagamaan	15
1.8.3 Nilai Keagamaan	16
1.8.4 Novel	17
1.9 Kesimpulan	18
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Kajian-kajian Lepas	19
2.2.1 Kajian Nilai Keagamaan dalam Novel	21
2.2.2 Kajian Novel-novel Azizi Haji Abdullah	25
2.2.3 Kajian Teori Pengkaedahan Melayu	29
2.3 Kesimpulan	32
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	35
3.2 Justifikasi Pemilihan Teori	36
3.3 Teori Pengkaedahan Melayu	37
3.3.1 Pengkaedahan Alamiah	38
3.3.2 Pengkaedahan Keagamaan	41
3.4 Teras Pembentukan Teori Pengkaedahan Melayu	63
3.4.1 Teras Kebajikan	63

3.4.2	Teras Ketakwaan	63
3.4.3	Teras Ketatususilaan	63
3.5	Kesimpulan	64
<b>4</b>	<b>ANALISIS PENGKAEDAHAN KEAGAMAAN</b>	
4.1	Pengenalan	67
4.2	Pendekatan Dakwah	68
4.2.1	Sastera sebagai medium untuk mengembangkan agama Islam	68
4.2.2	Sastera sebagai wasilah untuk mengagungkan Kebesaran dan Keesaan Allah SWT	74
4.2.3	Sasera sebagai wadah untuk melihat sejauh mana nilai ketakwaan dan ketaatan insan terhadap Allah SWT	76
4.2.4	Sastera sebagai alat untuk mempertimbangkan keunggulan dan keagungan agama Islam	82
4.3	Pendekatan Kemasyarakatan	86
4.3.1	Karya sastera sebagai alat pendedahan permasalahan dan persoalan masyarakat yang dianggap punca kepada kegoyahan keimanan manusia	87
4.3.2	Karya sastera bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut dalam Islam	97
4.3.3	Karya sastera menilai penelitian pengarang melontarkan pandangannya dari sudut Islam	104
4.3.4	Karya sastera menjurus kepada hal-hal seperti syariah, ibadat dan moral dari sudut Islam	112
4.4	Pendekatan Seni	116
4.4.1	Unsur keindahan diperlihatkan dalam bentuk gaya bahasa	117
4.4.2	Unsur keindahan mencapai kesempurnaan, ketertiban dan kesopanan	126
4.4.3	Unsur keindahan memperkuuhkan tapak-tapak asas yang murni dan suci iaitu ketakwaan, keimanan dan kecintaan kepada Allah SWT	128
4.4.4	Unsur keindahan yang berlandaskan nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam	132
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Kesimpulan dan Rumusan	134
5.2	Cadangan	140

<b>BIBLIOGRAFI</b>	142
<b>LAMPIRAN</b>	150
<b>BIODATA PELAJAR</b>	207
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	208



## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah	12
2	Kadar Nisbah Novel Yang Mempunyai Nilai Keagamaan Paling Dominan dan Kurang Dominan	135
3	Analisis Keseluruhan 10 Buah Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah	137

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Teori Pengkaedahan Melayu	38
2	Pengkaedahan Alamiah	39
3	Pengkaedahan Keagamaan	42
4	Pendekatan Dakwah	49
5	Pendekatan Kemasyarakatan	55
6	Pendekatan Seni	62
7	Teras Teori Pengkaedahan Melayu	64

## **SENARAI SINGKATAN**

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
ASDI	Anugerah Sastera Darul Iman
PELITA	Persatuan Sasterawan Muda Terengganu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
GAPENA	Gabungan Persatuan Penulis Nasional
YPI	Yayasan Pendidikan Islam
HSPM	Hadiah Sastera Perdana Malaysia
HSPU	Hadiah Sastera Kumpulan Utusan
SWT	Subhanu Wa Taala
SAW	Sallallahu Alayhi Wasallam
AS	Alaihissalam

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sekiranya disoroti mengenai sejarah kemunculan sastera Islam di alam Melayu telah muncul seawal abad ke-13 Masihi (Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Zulkarnain Mohamed & Pabiyyah Toklubok@ Hajimaming, 2016: 10). Hikayat Nabi Muhammad SAW merupakan genre sastera Islam yang terawal di alam Melayu. Antara cerita hikayat terawal yang memperihalkan mengenai keperibadian dan riwayat hidup junjungan Nabi Muhammad SAW ialah seperti *Hikayat Nur Muhamad*, *Hikayat Khatim al Nabi*, *Hikayat Tatkala Bulan Belah Dua*, *Hikayat Mu'jizat Rasulullah Memanggil Bulan*, *Hikayat Nabi Bercukur* dan lain-lain lagi (Ismail Hamid, 1982: 3). Didapati bahawa, kemunculan hikayat ini merupakan pendedahan awal kepada agama lain mengenai keindahan dan kesucian Islam seraya untuk menyebarkan agama Islam yang masih baru bertapak di alam Melayu. Menurut Nurazmi Kuntum (dlm Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi et al., 2016: 10) pada akhir abad ke-16 hingga 17 Masihi, memperlihatkan nama seperti Hamzah Fansuri mula dikenali menerusi karya-karya beliau yang berbentuk tasawuf dan mistik. Antara hasil karya Hamzah Fansuri yang terpenting ialah seperti *Asrar al-Arifin* (membahas ilmu tauhid dan ilmu tarekat), *Sharab al-Asyikin* (membicarakan masalah tarekat, syariat, hakikat, makrifat), *Zinat al-Muwahidin* (perhiasan sekalian orang yang mengesankan), *Al-Muntahi* (menjelaskan masalah Tasawuf) dan *Ruba'i Hamzah Fansuri* (syair sufi, yang penuh butir-butir filsafat) (Edwar, D & Saksono, 1996: 3).

Dalam cakupan yang lain pula, sastera Islam mula kelihatan secara jelas di Malaysia pada dekad 70-an. Menurut Nurazmi Kuntum (1991: 20), kesusasteraan Islam di Malaysia memperlihatkan tunasnya seawal tahun 1970-an. Hal ini diperlihatkan dengan tulisan rencana pengarang *Dewan Bahasa* (Mei, 1961: 195-196) yang bertajuk “Peranan Kesusasteraan dalam Memupuk Jiwa Keislaman” dan diikuti dengan nukilan Badaruddin H.O (Februari, 1966: 67-69), bertajuk “Konsep Seni Sastera dalam Islam” dalam majalah yang sama. Kedua-dua tulisan ini adalah menyentuh mengenai kesusasteraan Islam dan saranan untuk memajukan sastera Islam. Selain itu, kemunculan gerakan dakwah sekitar awal tahun 1970-an yang melatari perkembangan sastera Islam merupakan salah satu petanda awal munculnya gelombang sastera Islam di Malaysia. Justeru, gerak gempur gerakan dakwah ini telah merubah persepsi kesusasteraan Melayu dari terus berkiblatkan sastera Barat dan seraya mengalihkan pandangan mereka terhadap sastera yang bersandarkan kaca mata Islam yang sebenar. Malah, perkembangan sastera Islam ini adalah ekoran daripada kebangkitan masyarakat mengenai sentimen pentingnya kesusasteraan yang berteraskan keagamaan. Sastera Islam hadir di saat kesusasteraan Melayu amat mendambakan sastera yang bercorak keagamaan yang seterusnya dapat membentuk perilaku manusia ke jalan yang direndai Allah SWT dan berlunaskan akidah Islam.

Seterusnya, kesedaran masyarakat terhadap Islam turut memberi impak kepada perkembangan sastera Islam dan dilihat sebagai perkembangan positif dalam dunia kesusasteraan Melayu. Malah, kesusasteraan Islam mula mendapat tempat dalam kalangan tokoh-tokoh sarjana dan ini mempergiatkan lagi perkembangan sastera Islam. Dengan keadaannya yang sedemikian, secara tidak langsung membangkitkan kesedaran penulis untuk menghasilkan karya yang berkaitan dengan keislaman. Hal ini turut didukung oleh peranan badan-badan tertentu yang menganjurkan pelbagai ‘peraduan’, ‘anugerah’ dan ‘hadiyah’ yang menghendaki penulis menghasilkan “karya berunsur Islam” (Kamariah Kamarudin 2011: 1-2). Pernyataan ini memperlihatkan bahawa gelombang sastera Islam mula memperlihatkan kesannya dan bergerak seiring dengan kemunculan karya berunsur Islam hasil daripada pelbagai pertandingan yang dianjurkan. Antara pertandingan dalam kalangan penulis bercorak keislaman ini ialah seperti Anugerah Sastera Darul Iman (ASDI), Peraduan Mengarang Novel Islam sempena Abad 15 Hijrah, Peraduan Mengarang Novel anjuran Yayasan Islam Terengganu dan Pertandingan Sastera Berunsur Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Yayasan Pendidikan Islam (YPI).

Selain itu, sumbangan daripada cendekiawan Islam iaitu Syed Muhammad Naquib al-Attas memperkatakan mengenai sastera Islam di dalam Syarahan Inaugural beliau pada 24 Januari 1972 di Universiti Kebangsaan Malaysia, telah menyemarakkan lagi perkembangan sastera Islam dalam pengembangan sastera Melayu (Noratiqah Ahmad Kazmar dan Azmul Fahimi Kamaruzaman 2018: 102). Antara isi kandungan syarahan inaugural yang menarik perhatian penggiat sastera Islam ialah agama Islam itu sendiri memperlihatkan pengaruh dan impak yang besar dalam persuratan dan kesusasteraan Melayu. Kemudian, perkembangan ini dirancakkan pula dengan pandangan beberapa orang tokoh agama dalam Simposium Sastera dan Agama pada 28-29 Mei 1973 di Kuala Terengganu. Antara intipati penting simposium ini adalah untuk mengangkat martabat serta kedudukan sastera Islam (Shafie Abu Bakar 1980: 66).

Ekoran daripada ini juga, beberapa pandangan tokoh-tokoh sastera dan agama mula mewarnai dunia kesusasteraan Melayu. Setiap daripada tokoh-tokoh sastera ini mengutarakan pandangan yang berbeza mengenai kedefinisan sastera Islam. Antaranya ialah seperti Kamal Hassan, Ismail Ibrahim, Lutfi Abas, Shahnon Ahmad, Ismail Hamid, Muhammad Uthman El Muhammady, Shafie Abu Bakar, Sidi Ghazalba, Yusof Zaky Yaakob dan Hashim Musa (Nurazmi Kuntum, 1991: 21). Jelasnya, keseluruhan definisi sastera Islam oleh tokoh kesusasteraan di Malaysia memperlihatkan kepelbagaian pengertian dan maksud yang tersendiri. Kepelbagai definisi yang dilontarkan adalah bersifat ringkas namun padat serta mempunyai pengertian yang mendalam. Namun, secara ringkasnya, kesemua sarjana Melayu ini bersandarkan kepada akidah serta syariat Islam yang telah digariskan dan memperlihatkan saling melengkapi bagi menuju kepada satu kesempurnaan yang mutlak.

Seterusnya perbincangan kajian ini akan memperlihatkan secara ringkas empat galur perkembangan sastera berunsur Islam yang berbentuk novel iaitu pada dekad 1970-an, 1980-an, 1990-an dan 2000-an di Malaysia. Rasional perbincangan

ringkas bagi keempat-empat dekad ini untuk memperlihatkan perkembangan novel berunsur Islam dari tahun permulaan bermulanya sastera Islam (1970-an) hingga kini (2000-an).

## **1.2 Perkembangan Novel Berunsur Islam di Malaysia: Suatu Perbincangan Ringkas**

Genre novel memberikan sumbangan yang terpenting dalam khazanah kesusasteraan Melayu moden. Genre novel dilihat lebih pantas berkembang berbanding genre moden yang lain (Mohamad Saleeh Rahamad 2009: 123). Hal ini disebabkan, novel menggunakan pendekatan yang berunsur didaktik atau pengajaran. Selain itu, novel juga lebih mudah dihasilkan dan digemari oleh pengkarya-pengkarya sastera moden berbanding dengan genre yang lain. Dalam konteks yang lain, senario penghasilan novel berbentuk keagamaan tercetus daripada usaha bersungguh-sungguh golongan cendekiawan sastera yang ingin menghidupkan sastera Islam. Sastera berunsur Islam khususnya novel mula dilihat dapat membangunkan keperibadian dan sahsiah umat Islam. Justeru itu, kewujudan novel berunsur Islam mula mewarnai perkembangan kesusasteraan Melayu moden dan memperlihatkan impak yang ketara bagi penggiat karya sastera Islam.

### **1.2.1 Perkembangan Dekad 70-an**

Novel berunsurkan keagamaan dilihat mula mewarnai dan membanjiri genre penulisan novel di Malaysia seawal dekad 70-an (Nurazmi Kuntum, 1991: 20). Dekad ini menyaksikan sastera Melayu moden terus melebarkan sayapnya dengan penghasilan novel-novel yang berlatar belakang perihal dan tingkah laku masyarakat Melayu. Selain itu, novel yang dihasilkan menjurus kepada yang berkisarkan jati diri dan semangat rakyat bagi mengisi kemerdekaan. Karya-karya berunsur Islam ini turut digerakkan oleh kesedaran masyarakat Melayu ekoran daripada pergolakan politik dan juga gerakan dakwah Islam yang berlaku di Malaysia (Ahmad Nabil Amir, 2019: 165).

Seterusnya, dekad 70-an memperlihatkan sastera berunsur Islam khususnya genre novel telah mula dihasilkan walaupun bilangannya terbatas. Namun begitu, kesedaran untuk menulis mengenai sastera berunsur Islam mula kelihatan dalam kalangan penggiat sastera khususnya penulis-penulis tempatan. Kemunculan novel ini telah dijadikan sebagai perintis bagi kemunculan karya-karya yang seterusnya. Bilangan yang kecil ini juga turut memberikan impak yang besar serta membuka laluan terhadap perkembangan sastera Islam di Malaysia. Sementelahan, ini sedikit sebanyak telah membuka ruang fikir golongan sarjana untuk mendalami dan meneliti konsep sastera Islam.

Selain itu, dekad ini juga memperlihatkan bahawa genre novel berunsurkan Islam masih lagi berkurangan diterbitkan di Malaysia. Dekad 70-an memperlihatkan

penulis-penulis tempatan seperti A. Samad Said, Shahnon Ahmad, Arena Wati, S. Othman Kelantan, Wijaya Mala (Abu Yazid Abidin), Abdullah Hussain, Yahya Samah, A. Shukor Harun, A. Talib Hassan, Ibrahim Omar, Anwar Ridhwan, A. Talib Hassan, Zahari Affandi, Rejab F.I, Muhd. Mansor Abdullah, Zaid Ahmad, Zahari Affandi, Marwilis Hj. Yusof, Amil Jaya, Fatimah Busu, Zaharah Nawawi dan Khadijah Hashim (sekadar menyebut beberapa nama). Jelasnya, kebanyakan daripada penulis yang disebutkan tidak menjurus kepada karya yang berunsurkan Islam sahaja. Pemilihan penulis-penulis tempatan ini adalah lebih tertumpu kepada yang berkisarkan pergolakan masyarakat marhaen. Karya berbentuk keagamaan atau Islam bukan merupakan pilihan utama bagi mereka untuk berkarya.

### 1.2.2 Perkembangan Dekad 80-an

Dekad 1980-an memperlihatkan karya berunsurkan keislaman berbentuk novel mula memasuki tahap yang lebih rancak. Dekad 80-an ini juga menyaksikan agama Islam dijadikan persoalan utama dalam novel (Hashim Ismail 2007: 30). Kesedaran mengenai sastera Islam mula kelihatan dalam kalangan penggiat sastera khususnya penulis-penulis tempatan. Justeru, rentetan daripada ini, karya berunsurkan Islam sering dijadikan tema dalam penghasilan sebuah karya terutama dalam bentuk novel. Pada tahun 1980-an, sastera berunsur Islam kembali mendominasi genre novel. Pada dekad ini juga, berlaku polemik sastera Islam antara dua tokoh iaitu Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad (Adli Yaacob, 2018: 125). Kedua-dua tokoh ini membahaskan konsep dan teori sastera Islam dan pertentangan pendapat ini dilihat telah menghangatkan lagi sastera Melayu di Malaysia khususnya sastera Islam. Kedua-duanya mempunyai pandangan serta falsafah yang berbeza mengenai sastera Islam. Pertembungan pendapat mengenai sastera Islam ini dapat dilihat menerusi artikel yang ditulis oleh Shahnon Ahmad yang bertajuk *Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah* (1983). Manakala, Kassim Ahmad membidas pendapat Shahnon Ahmad dengan menulis artikel yang bertajuk *Menuju Sebuah Teori Sastera Islam: Jawapan kepada Shahnon* (1983). Sehubungan itu, sanggahan pendapat antara kedua tokoh ini diterbitkan dalam *Dewan Sastera* dalam beberapa keluaran pada tahun 1983(Adli Yaacob, 2018: 119).

Selanjutnya, dekad ini turut menyaksikan ramai penulis yang mengangkat persoalan agama sebagai tema utama untuk melatari karya-karya mereka. Dekad ini turut memperlihatkan penulis seperti Shahnon Ahmad, Arena Wati, Abdullah Hussain dan Keris Mas mula menjinakkan diri dalam sastera berunsur Islam. Selain itu, dekad ini juga dilihat sebagai dekad terpenting dalam lipatan konsep sastera Islam di dalam pertumbuhan kesusasteraan Melayu mutakhir. Dalam konteks ini, banyak karya keislaman yang bermutu telah diterbitkan dan seterusnya diangkat sebagai pemenang Hadiah Sastera. Shahnon Ahmad merupakan antara penggerak sastera Islam yang memperlihatkan kesungguhan dalam menghasilkan karya-karya keagamaan malah dikenali pada masa itu sebagai novelis Melayu yang lantang melaungkan konsep sastera Islam.

### **1.2.3 Perkembangan Dekad 90-an**

Dekad 90-an memperlihatkan novel-novel berunsurkan keislaman terus mendapat tempat dalam dunia sastera Melayu. Dekad ini turut memperlihatkan penulis-penulis yang telah mencipta nama seawal dekad 70-an mewarnai dunia kesusasteraan Islam di Malaysia iaitu dengan menerbitkan novel sastera Islam yang bermutu. Selain itu, dekad ini merupakan kesinambungan kepada kegiatan dekad-dekad sebelumnya. Pengarang dekad 90-an dilihat lebih berani melontarkan gugusan idea-idea kreatif mereka dengan penggunaan teknik penulisan yang lebih terkini. Justeru itu, dekad 90-an turut memperlihatkan karya berunsurkan keagamaan masih lagi menjadi pilihan bagi penggiat karya sastera untuk terus menghasilkan penulisan yang berkualiti untuk tatapan khalayak. Pada dekad ini juga, karya-karya yang berunsurkan keagamaan diadun dan diperhalusi dengan isu-isu semasa yang terkini bagi menarik perhatian khalayak. Sementelahan, sokongan padu daripada badan-badan tertentu seperti Utusan Melayu, Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Yayasan Islam Terengganu, Yayasan Warisan Negeri Johor serta kerajaan-kerajaan negeri mencambahkan lagi penerbitan novel-novel yang berunsurkan keislaman (Hashim Ismail, 2007: 32).

### **1.2.4 Perkembangan Dekad 2000-an**

Dekad 2000-an menyaksikan kemunculan penulis muda dalam sastera berunsur Islam dan ini memperlihatkan perkembangan yang positif. Skop dan teknik penceritaan yang pelbagai turut mewarnai penghasilan sastera berunsur Islam. Selain itu, penulis-penulis sastera berunsur Islam lebih memperlihatkan keberanian mereka dalam menghasilkan karya-karya dengan memasukkan elemen futuristik. Penulis dekad 2000-an memperlihatkan kreativiti mereka dalam menghasilkan karya-karya yang berkualiti untuk tatapan khalayak.

Selanjutnya, dekad 2000-an juga timbul fenomena novel popular Islam yang kian menular dan berkembang pesat di Malaysia. Menurut (Mohd. Zariat Abdul Rani 2011: 1) karya Islam yang lahir pada penghujung dekad 2000-an dikenali dengan label “novel popular Islami”. Novel yang berkisarkan percintaan, kekeluargaan dan dunia korporat orang Melayu ini dilihat semakin mendapat sambutan daripada khalayak. Namun begitu, karya yang berunsurkan keagamaan masih lagi menjadi pilihan bagi khalayak dan mempunyai pengikutnya yang tersendiri. Fenomena novel popular Islam kian menular dan dianggap sebagai mengikut *trend* peredaran dan arus semasa. Seajar dengan ini, lambakan novel popular Islam dari negara jiran (Indonesia) merancakkan lagi fenomena ini (Rosmah Derak, 2013: 2). Antara penulis Indonesia yang sering disebut-sebut ialah Habiburrahman El-Shirazy dan Taufiqurrahman al-Azizy. Antara nukilan novel popular Islam yang dihasilkan ialah seperti *Ayat-ayat Cinta* (2004) dan *Syahadat Cinta* (2006) (Ungku Maimunah Mohd Tahir 2015: 134). Fenomena novel popular Islam dilihat seakan meresapi pemikiran khalayak novel berunsur Islam di Malaysia. Namun begitu, fenomena novel popular Islam kian menular ini tidak membantutkan perkembangan kesusasteraan Islam malah membuka ruang pembincangan yang

lebih kehadapan dalam kalangan penggiat sastera Melayu. Antara penerbit novel popular Islam yang masih aktif di Malaysia ialah seperti Alaf 21 dan PTS Sdn Bhd. Selain itu, anugerah sastera dan sayembara yang dianjurkan menjadi suntikan kepada penggiat sastera dalam menghasilkan karya yang bermutu.

Dekad 2000-an turut memperlihatkan hampir kesemua penulis menerapkan unsur keagamaan dalam novel-novel penerbitan mereka. Hal ini adalah kerana elemen keagamaan tidak dapat lari dalam diri penulis khususnya penulis yang beragama Islam. Sastera berunsur Islam yang berbentuk novel khususnya memberikan impak yang berkesan dan besar terhadap sahsiah dan juga akhlak manusia sejagat. Dekad 2000-an menyaksikan khalayak mula beralih arah dan pasaran serta sambutan sastera berunsur Islam (mesej serius) dilihat kian mengecil pada dekad ini. Pada dekad ini didapati bahawa, pengarang menggunakan strategi dakwah Islam dalam setiap penulisan bagi menyampaikan mesej. Justeru, bagi menarik perhatian khalayak, elemen cinta, politik dan kekeluargaan diadun bersama bagi mempelbagaikan lagi acuan rasa sesebuah karya.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Sebuah karya sastera yang bermutu ialah karya yang dapat mendidik hati dan jiwa insaniah ke jalan yang lurus. Justeru, bahan-bahan karya sastera yang diketengahkan perlu memaparkan nilai-nilai keagamaan yang kukuh agar dapat mensejahteraan kemaslahatan umat manusia sejagat. Dalam konteks ini, karya kesusasteraan yang mempunyai nilai keagamaan, berupaya membentuk sahsiah dan juga keperibadian mulia umat Islam ke jalan yang direndai Allah SWT. Pernyataan ini adalah sejarah seperti yang diperkatakan oleh Shahnon Ahmad (1981: 45) iaitu peranan seni ialah membimbing akhlak dan keperibadian manusia mengikut landasan dan etika Islam. Hal ini supaya manusia itu pula memainkan peranannya mengikut potensi dan keupayaannya membina peradaban manusia yang baik. Penjelasan daripada Shahnon Ahmad menyatakan bahawa seni berupaya membentuk perilaku, sahsiah dan jati diri manusia ke arah kebaikan yang berlunaskan akidah Islam. Kesenian yang dibenarkan dalam Islam perlu berlandaskan syariat dan batasan-batasan yang digariskan dalam Islam. Sementelahan, kelalaian dan kealpaan akan mendatangkan keburukan kepada umat manusia. Kesenian yang berbentuk kesusasteraan khususnya karya-karya berbentuk keagamaan berupaya menjadi alat untuk mengembangkan dan mempertingkatkan keunggulan agama Islam. Justeru, manusia perlu memanfaatkan ruang seni yang diterimanya itu agar tidak membawa kemudarat kepada kehidupan mereka kelak.

Oleh yang sedemikian, kajian ini adalah bertitik tolak daripada beberapa pandangan mengenai gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah daripada pelbagai sudut. Pengamatan terhadap kajian-kajian sedia ada mengenai novel Azizi Haji Abdullah menyerlahkan beberapa pemahaman yang berguna dalam menentukan fokus kajian ini. Antara kajian lepas yang mengulas mengenai gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah sebagaimana kenyataan berikut:

“...penulisan yang ditinggalkan oleh Azizi kepada dunia kesusasteraan mengandungi kata-kata beliau yang tajam dan pedas, malah sebahagian besar karyanya menggunakan nada sinis dan sarkastik”.

(Hasan Baseri Budiman, 2011: 42)

Hasan Baseri Budiman dalam kenyataan tersebut menyatakan bahawa Azizi Haji Abdullah memperlihatkan karyanya sebagai tanda protes dan pandangan sinisnya terhadap ketidakdilan yang berlaku dalam masyarakat. Justeru, karya garapan Azizi Haji Abdullah memberikan sesuatu kepada masyarakat untuk berfikir dan mengenali mengenai kehidupan itu sendiri. Karya nukilan Azizi Haji Abdullah sentiasa bersifat malar segar dalam mengenangkan isu-isu semasa dan memberikan impak yang mendalam kepada khalayak. Oleh itu, menerusi kenyataan yang diberikan oleh Hasan Baseri Budiman, gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah lebih menjurus kepada pandangan sinis dan tajam beliau dalam memperkatakan mengenai masyarakat sekeliling khususnya masyarakat Melayu Islam.

Seterusnya, Siti Hajar Che Man memberikan pandangannya mengenai gaya kepengkaryaan sebagaimana kenyataan berikut:

“...menghasilkan karya dengan cermat, teliti dan berkesan. Beliau sangat mahir dan prihatin dalam menjiwai sebarang isu yang diungkapkan. Malah deskripsinya yang jelas dan kemas menyebabkan penulisannya sentiasa bersifat malar segar sehingga memberi kesan yang mendalam dalam diri khalayak”

(2011: 31)

Siti Hajar Che Man dalam kenyataan tersebut menekankan bahawa pendekatan Azizi Haji Abdullah dalam penulisan bukan sahaja menonjolkan ketelitian beliau dalam berkarya. Karya Azizi Haji Abdullah mengandungi mesej yang tersirat dan mendalam berkaitan dengan kehidupan manusia yang disampaikan dengan cara yang cukup kemas. Menurut Siti Hajar Che Man, Azizi Haji Abdullah menyampaikan mesej yang tersirat dengan cara beliau yang tersendiri. Selain itu, Azizi Haji Abdullah mempunyai pendekatannya yang tersendiri dalam menzahirkan dan menjiwai idea-idea ke dalam setiap karya-karyanya untuk memberikan kesan yang maksima terhadap khalayak. Justeru, jelas pada pernyataan ini, Siti Hajar Che Man memberikan ulasan bahawa Azizi Haji Abdullah menampilkan corak gaya kepengkaryaan yang bersifat malar segar bagi meninggalkan impak terhadap khalayak.

Manakala, Muhsin Mansur Abdullah pula memberikan pandangannya yang tersendiri mengenai gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah sebagaimana ulasan berikut:

“Cara penceritaan lancar dan menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan... Kepintaran Azizi

menganyam jalin ceritanya dengan lengkok bahasa dan gaya bahasa klasik amat menawan”.

(2014: 14)

Didapati bahawa, Muhd Mansur Abdullah dalam kenyataan tersebut memberikan ulasan mengenai gaya penulisan Azizi Haji Abdullah iaitu penceritaan yang disampaikan oleh Azizi Haji Abdullah menarik minat khalayak untuk membaca karyanya sehingga ke penghujungnya. Cara penerapan dan pemaparan cerita yang digarapnya membuatkan khalayak ternanti-nanti akan kesudahan cerita yang ingin disampaikan. Selain itu, kebijaksanaannya dalam mengadun jalan cerita dan penggunaan bahasa yang digunakan wajar diberi pujian. Jelas pada pernyataan ini, Muhd Mansur Abdullah memberikan ulasan bahawa gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah menekankan cara penceritaan yang lancar disulami dengan gaya bahasa yang menarik khalayak untuk meneruskan pembacaan.

Selanjutnya, Nursham Abdul Aziz memberikan ulasannya mengenai gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah yang menyentuh mengenai aspek keagamaan iaitu sebagaimana kenyataan berikut:

“Azizi menulis dalam pelbagai tema dan persoalan. Dari tema masyarakat yang mengupas tentang kehidupan harian masyarakat hingga ke tema keagamaan telah beliau kupas dengan berkesan dan meninggalkan impak yang mendalam dalam diri pembaca

(2015: 82)

Kenyataan yang diberikan oleh Nursham Abdul Aziz menyatakan bahawa Azizi Haji Abdullah diperlihatkan menyentuh aspek keagamaan dalam gaya kepengkaryaan beliau. Pengkaryaan berbentuk keagamaan yang digarap oleh Azizi Haji Abdullah disampaikan dengan berkesan dan memberikan suatu impak yang mendalam dalam jiwa khalayak. Menurut Nursham Abdul Aziz, Azizi Haji Abdullah menjadikan aspek agama sebagai satu medium untuk membentuk akhlak dan keperibadian umat Islam. Dengan keadaannya yang sedemikian, khalayak dapat mentafsir serta menzahir dengan mudah nilai keagamaan yang disampaikan oleh pengarang. Ulasan yang diberikan oleh Nursham Abdul Aziz ini diperlihatkan gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah yang menjurus dalam aspek keagamaan.

Selanjutnya, Haslina Haroon & Adilah Zabir memberikan ulasannya mengenai gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah sebagaimana kenyataan berikut:

Azizi berkecenderungan menggunakan penggunaan dialek geografi (dialek Kedah atau Utara, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan) dalam setiap karya-karyanya.

(2018: 311)

Haslina Haroon & Adilah Zabir dalam kenyataan tersebut menyatakan penggunaan dialek geografi memperlihatkan dialek yang lebih dominan dalam memperlihatkan

gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah. Faktor-faktor seperti latar belakang dan persekitaran mempengaruhi karya-karya yang dihasilkan oleh beliau. Justeru, ulasan yang diberikan oleh Haslina Haroon & Adilah Zabir ini memperlihatkan gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah yang terarah kepada pengunaan dialek.

Seterusnya, makalah yang ditulis oleh Noor Salawati et.al yang mengulas mengenai gaya pengkaryaan Azizi Haji Abdullah sebagaimana kenyataan berikut:

Azizi menyingkap tabir sosio masyarakat dalam ke semua karya novelnya. Sentuhan kreativitinya sebagai pengarang mapan menjadikan permasalahan diungkap sentiasa segar untuk tatapan khalayak dan relevan dipolemikkan sepanjang semasa.

(2021: 174)

Noor Salawati et.al dalam kenyataan tersebut menekankan bahawa pengkaryaan Azizi Haji Abdullah dalam penulisan adalah berkisar kepada kehidupan sosial masyarakat Melayu. Azizi Haji Abdullah diperlihatkan menyampaikan permasalahan dan pergolakan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu menerusi karya yang dihasilkan. Dalam konteks ini, Azizi Haji Abdullah menyelitkan pengajaran dan iktibar yang bermanfaat dan khalayak berperanan dalam membuat penilaian berdasarkan pembacaan mereka. Oleh itu, menerusi kenyataan yang diberikan oleh Noor Salawati et.al, gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah lebih menjurus kepada aspek sosial masyarakat Melayu.

Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk mengisi lompong-lompong yang dinyatakan di atas, dengan memberikan keutamaan terhadap pandangan yang dinyatakan oleh Hasan Baseri Budiman (2011), Siti Hajar Che Man (2011), Muhd Mansur Abdullah (2014), Nursham Abdul Aziz (2015), Haslina Haroon & Adilah Zabir (2018) dan Noor Salawati Abu Bakar et.al (2021). Didapati bahawa, sorotan-sorotan kajian yang digunakan kepada permasalahan kajian ini memperihalkan kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah yang menjurus kepada bentuk sinis, penulisan malar segar, penggunaan gaya bahasa klasik, keagamaan, dialek dan mengenai sosial ekonomi masyarakat Melayu. Justeru, bertitik-tolak daripada beberapa kajian yang sedia ada pengkaji merumuskan terdapat keperluan untuk menghasilkan sebuah kajian baharu mengenai kajian yang memusatkan kepada gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah yang sebenar. Namun begitu, berdasarkan sorotan kajian yang sedia ada memperlihatkan keterbatasan kajian yang menjurus serta memusatkan kepada nilai keagamaan yang terdapat dalam karya garapan Azizi Haji Abdullah.

Sejajar dengan ini, pengkaji terpanggil untuk melihat sejauh manakah gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah daripada aspek keagamaan mempengaruhi karya-karya garapan penulisan beliau. Satu kajian baharu perlu dilakukan bagi memperlihatkan aspek ini. Oleh itu, bersesuaian dengan fokus kajian bagi memperlihatkan nilai keagamaan dalam novel terpilih Azizi Haji Abdullah, satu kajian perlu dilakukan untuk memperlihatkan aspek tersebut. Dalam cakupan yang lain, kajian ini akan turut akan meneliti teori Pengaedahan Melayu menerusi

Pengkaedahan Keagamaan yang dijangka akan memperlihatkan nilai keagamaan yang terdapat dalam novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah. Pemilihan Pengkaedahan Keagamaan yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu dianggap signifikan untuk digunakan dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana pendekatan ini menggunakan pendekatan Islam dalam pengisian gagasannya dan berupaya mengungkap nilai-nilai keagamaan yang terdapat dalam novel terpilih Azizi Haji Abdullah dan secara tidak langsung memenuhi objektif kajian dalam kajian ini.

Selanjutnya, kajian ini berpendapat bahawa nilai keagamaan wajar diberikan perhatian sebagai pemfokusan utama. Hal ini adalah kerana nilai keagamaan dalam sesebuah pengkaryaan dianggap induk kepada sebuah karya Islam dan seterusnya menunjangi pengkonsepsian sesebuah novel secara keseluruhannya. Justeru, satu kajian yang menyeluruh akan dilakukan oleh pengkaji untuk mengkaji dan merungkai aspek-aspek yang dinyatakan tadi. Oleh itu, ini akan menjadi titik tolak kepada pengkaji untuk menganalisis ruang-ruang kosong yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji sedia ada dan ekoran daripada ruang-ruang kosong yang ditinggalkan, wujudnya pernyataan masalah. Sejajar dengan ini, selain daripada memberikan perhatian yang khusus terhadap nilai keagamaan dalam novel Azizi Haji Abdullah, kajian juga akan meneliti teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pengkaedahan Keagamaan yang akan memantapkan lagi penghuraian kajian ini nanti.

#### **1.4     Objektif Kajian**

Kajian ini merangkumi objektif-objektif kajian seperti berikut iaitu:

1. Mengenal pasti nilai keagamaan dalam novel terpilih Azizi Haji Abdullah berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu.
2. Mengklasifikasi nilai keagamaan dalam novel terpilih Azizi Haji Abdullah berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu.
3. Menganalisis nilai keagamaan dalam novel terpilih Azizi Haji Abdullah berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu.

#### **1.5     Kepentingan Kajian**

Karya sastera memainkan peranan yang penting dalam membimbing dan membentuk keperibadian masyarakat Melayu Islam. Justeru itu, bahan-bahan yang diketengahkan perlu memaparkan nilai-nilai keagamaan yang kukuh agar dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan kemaslahatan umat. Dalam cakupan yang lain pula, kajian ini dapat memperluaskan lagi cakupan mengenai aspek keagamaan. Hal ini adalah kerana aspek keagamaan sering dilihat daripada perspektif yang terbatas iaitu acapkali khalayak beranggapan bahawa karya-karya keagamaan hanyalah menyentuh soal ibadah sahaja. Walhal, sastera berbentuk

keagamaan ini amat luas cakupan serta ruang lingkupnya. Sastera keagamaan merangkumi alam semesta, pergolakan kehidupan dan manusia serta hubungannya dengan Pencipta-Nya. Sastera Islam yang berbentuk novel khususnya memberikan impak yang berkesan dan besar terhadap sahsiah dan juga akhlak manusia sejagat.

Selain itu, kepentingan kajian ini ialah bermanfaat kepada pengkaji untuk memperlihatkan nilai-nilai keagamaan dalam novel-novel Azizi Haji Abdullah. Dengan keadaannya yang sedemikian, kajian ini diharapkan dapat memberikan cetusan idea, ilham serta garis panduan bagi para pengkaji sastera Melayu menganalisis novel yang berunsurkan keagamaan. Kajian yang dilakukan turut berupaya menjadi menjadi perintis terhadap mana-mana bidang berkaitan dan dijadikan sebagai bahan rujukan. Sementelah, kajian ini diharapkan dapat menambahkan bilangan penulisan yang membicarakan mengenai sastera Islam dan di samping memperjelaskan mengenai prinsip-prinsip Islam.

Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan manfaat terhadap dunia kesusasteraan Melayu. Dalam konteks ini, kajian yang dilakukan dapat menyumbang kepada bilangan kajian mengenai novel-novel yang berunsurkan keagamaan. Dengan keadaannya yang sedemikian, kajian yang dilakukan dapat membantu penggiat sastera untuk senantiasa didedahkan dengan perkembangan sastera terkini dan mutakhir. Hal ini secara tidak langsung berupaya mengangkat sastera Islam ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya dijadikan rujukan buat pengkaji dan penyelidik kesusasteraan Melayu. Diharapkan juga, kajian yang dilakukan dapat meningkatkan penghayatan dan memperdalamkan pengetahuan terhadap agama Islam. Di samping itu, hasil kajian yang diperolehi berupaya membentuk perilaku dan sahsiah diri umat Islam ke arah yang lebih baik.

## 1.6 Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian

Azizi Haji Abdullah telah berkarya selama 47 tahun dan telah menghasilkan sebanyak 33 buah novel (Nursham Abdul Aziz, 2011: 78). Azizi Haji Abdullah telah menghasilkan pelbagai genre dalam penulisannya dan telah meraih pelbagai hadiah utama penulisan novel anjuran pihak-pihak tertentu. Seajar dengan fokus kajian untuk memperlihatkan gaya kepengkaryaan Azizi Haji Abdullah yang berbentuk keagamaan, suatu kajian perlu dilakukan untuk mengkaji nilai-nilai keagamaan dalam setiap novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah.

Oleh itu, kajian ini mengkaji sepuluh buah novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah yang mewakili tahun atau dekad iaitu 70-an; *Senja Belum Berakhir* (1971), *Ayah Bonda* (1978), 80-an; *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Dee* (1987), 90-an; *Cahaya di Pedalaman* (1992), *Suriati* (1993), *Ayahanda* (1997), 2000-an *Harga Sebuah Maruah* (2007), *Sangeetha* (2006), *Zikir Rindu* (2009). Setiap novel-novel yang dianalisis akan dikaji dari sudut Pendekatan Keagamaan mengikut konteks yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu. Pemilihan sepuluh buah novel ini adalah kerana setiap satunya membicarakan mengenai masyarakat Melayu Islam dan juga persoalan Islam yang akan dirungkaikan

menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Novel-novel yang dipilih adalah mewakili dekad dan sebahagiannya yang telah memenangi Hadiah Sastera. Selain itu, pemilihan novel-novel ini juga adalah karya-karya yang dinyatakan dalam permasalahan kajian. Rincian lanjut mengenai novel-novel yang dikaji adalah seperti jadual 1 yang berikut:

**Jadual 1: Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah**

Bil.	Tajuk Buku	Tahun Terbit	Penerbit	Anugerah
<b>Dekad 70-an</b>				
1.	<i>Senja Belum Berakhir</i>	1971	Singapura: Pustaka Nasional	Hadiah Karya Sastera (1971)
2.	<i>Ayah Bonda</i>	1978	Pustaka Sistem Pelajaran	-
<b>Dekad 80-an</b>				
3.	<i>Seorang Tua di Kaki Gunung</i>	1982	Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur	Tempat ke-2, Sayembara Hadiah Novel Gapena -Yayasan Sabah 11 (1981)
4.	<i>Dee</i>	1987	Marwilis Publisher	-
<b>Dekad 90-an</b>				
5.	<i>Cahaya di Pedalaman</i> (Cetakan Kedua dari novel <i>Asyraq</i> (1987))	1992	Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur	Hadiah Sastera Berunsur Islam (1988)
6.	<i>Suriati</i>	1993	Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam: JPM	Hadiah Pertama Sayembara Novel Islam (1993)
7.	<i>Ayahanda</i>	1997	Creative Enterprise Sdn. Bhd	-

### Jadual 1: Sambungan

Dekad 2000-an				
8.	<i>Sangeetha</i>	2006	Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur	Anugerah Hadiah Sastera Mastera (2007)
9.	<i>Harga Sebuah Maruah</i>	2007	Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur	Pemenang Kedua Sayembara Mengarang Sempena Perayaan Jubli Emas DBP
10.	<i>Zikir Rindu</i>	2009	Alaf 21	-
Jumlah novel keseluruhan: 10 buah novel				

Oleh yang sedemikian, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada Pendekatan Keagamaan sahaja iaitu pecahan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini adalah kerana kesemua novel-novel yang dikaji adalah berunsurkan keagamaan dan pendekatan ini adalah lebih bertepatan dan bersesuaian dengan skop yang ingin dikaji. Terdapat empat dekad yang dikaji iaitu dekad 70-an, 80-an, 90-an dan 2000-an dan keempat-empat dekad ini mewakili dekad yang mempunyai pengaruh keagamaan yang kuat dalam karya novel-novel Azizi Haji Abdullah.

### 1.7 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan dengan meneliti bahan-bahan seperti tesis-tesis, kajian-kajian ilmiah, jurnal-jurnal, kertas-kertas seminar, majalah, glosari istilah, kamus, internet dan juga buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Bahan-bahan ini bertujuan untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang dikehendaki dan memantapkan kajian.

Selain itu, diteliti juga buku-buku yang membincangkan teori Pengkaedahan Melayu yang berkaitan dan bersesuaian dengan kajian yang dibuat. Kesemua novel yang dipilih untuk kajian akan diteliti dengan menggunakan teknik bacaan rapi (*close reading technique*) dan seterusnya menganalisis isi kandungan (*content analysis*) novel-novel tersebut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. (Perincian lanjut tentang teori Pengkaedahan Melayu akan dihuraikan dalam bab tiga tesis ini). Teknik bacaan rapi (*close reading technique*) ialah teknik yang digunakan untuk memperoleh pemahaman dan pengetahuan terhadap sesuatu bahan bacaan (Tarigan, 1984: 36). Teknik bacaan rapi (*close reading technique*) merupakan istilah keterampilan membaca yang diperkenalkan oleh Roger Farr dan Nancy Roser dalam buku yang berjudul *Teaching a Child to Read*. Manakala analisis isi kandungan (*content analysis*) ialah perlaksanaan dalam melakukan

penyelidikan yang memfokus kepada mesej. Menurut Babbie, (2010: 332) kandungan mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan.

## 1.8 Definisi Konsep

Kajian ini menumpukan perbincangan berasaskan pentakrifan konsep dan istilah merujuk kepada takrifan “Nilai”, “Keagamaan”, “Nilai Keagamaan” dan “Novel”. Oleh yang demikian penghuraian dengan lebih lanjut mengenai konsep-konsep ini akan dirungkai dengan lebih terperinci dalam kajian ini.

### 1.8.1 “Nilai”

Merujuk kepada *Kamus Dewan* (2015: 1081), pengertian “nilai” didefinisikan sebagai taksiran harga, harga sesuatu yang dibandingkan dengan harga yang lain, kadar nisbah, sifat ketinggian dan darjat, kualiti, mutu dan taraf. Seterusnya, Wan Abdul Kadir (2007: 4) memperihalkan pengertian “nilai” sebagai ukuran yang diberikan oleh seseorang individu mengenai sesuatu perkara atau perlakuan baik atau buruk, halus atau kasar dan tinggi atau rendah. Perihal ini adalah berasaskan kepada kelakuan yang telah menjadi kelaziman yang dikongsi bersama dan telah diperakui oleh masyarakat akan kedudukan “nilai” itu. Selanjutnya, Sharifah Alwiah Alsagoff (1987: 74) mendefinisikan “nilai” merupakan idea-idea yang dikongsi masyarakat mengenai perkara yang baik, yang mempunyai teladan dan dijadikan sebagai contoh yang harus diikuti. Arne L. Kalleberg (1977: 124) mentakrifkan “nilai” sebagai suatu konsep yang memperihalkan pegangan, kepercayaan dan amalan seseorang individu dalam sesebuah industri. Manakala, Nyia See Keng (2004: 18) pengertian “nilai” diperlihatkan dalam pelbagai aspek antaranya ialah:

- i. Nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri seseorang.
- ii. Nilai yang berkaitan dengan diri dan keluarga.
- iii. Nilai yang berkaitan dengan diri dan masyarakat serta bangsa.
- iv. Nilai yang berkaitan dengan diri dan alam sekitar.
- v. Nilai yang berkaitan dengan diri dan negara

Oleh itu, “nilai” adalah bersangkut paut dalam membicarakan aspek kemurnian dalam kehidupan manusia. “Nilai” dijadikan kayu pengukur kepada tingkah laku masyarakat yang mendokongnya. Dalam cakupan yang lain pula, “nilai” merupakan kriteria yang digunakan oleh masyarakat bagi mempertimbangkan sesuatu perkara, benda, situasi dan manusia.

Berdasarkan takrifan-takrifan ini, kajian ini mengusulkan istilah “nilai” yang akan digunakan sepanjang kajian ini ialah garis panduan umum dalam tingkah laku, sikap dan tatacara berdasarkan agama yang dianutinya. Nilai memainkan peranan

yang amat penting dalam membentuk perilaku dan budaya dalam kehidupan manusia.

### 1.8.2 “Keagamaan”

Istilah “keagamaan” berasal dari akar kata “Agama” yang mendapat awalan “ke” dan akhiran “an” sehingga menjadi “keagamaan”. Perkataan “agama” berasal dari bahasa sanskrit yang bermaksud undang-undang, peraturan terhadap yang Maha Esa. Manakala, merujuk kepada *Kamus Dewan* (2015: 14), agama bererti: 1. Kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya. 2. Kepercayaan pada Yang Maha Kuasa. 3. Kepercayaan pada sesuatu dewa dan lain-lain yang dipuja dan sebagainya dan dianggap sebagai sesuatu yang amat berkuasa.

Selain itu, “Agama” diperjelaskan sebagai suatu ajaran atau syari’at dari Tuhan sebagai panduan yang diturunkan bagi membimbing dan mendidik manusia. Sehubungan dengan ini, agama juga boleh diandaikan sebagai kepercayaan yang suci yang terkumpul dalam suatu set perilaku yang menunjukkan ketundukan pada suatu zat, kecintaan, dan ketakjuban kepada Allah SWT. Definisi dan pengertian agama menurut cakupan Islam pula menggariskan bahawa agama diistilahkan sebagai suatu fitrah, iaitu perkara yang secara azalinya telah wujud iaitu sewal kelahiran dan kewujudan manusia di muka bumi ini. Perihal ini dapat ditelusuri menerusi Surah ar-Rum ayat 30 yang sebagaimana terjemahan berikut:

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

(*Mushaf Tajwid berserta terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia*, 2006: 407)

Ayat di atas memperihalkan bagaimana agama lahir seiring dengan penciptaan manusia kerana agama adalah satu keperluan kepada yang membawa manusia kepada mengenali Tuhan. Sehubungan dengan ini, agama merupakan suatu fitrah yang perlu ada pada setiap manusia. Agama mengingatkan bahawa, sejak dari azali lagi manusia dilahirkan di dunia, manusia sudah dibekalkan oleh Allah SWT dengan fitrah beragama.

Oleh itu, daripada perspektif yang lain pula, agama dilihat sebagaimana dalam al-Qur'an dengan istilah *ad-din*. Istilah *ad-din* ini merupakan pengertian yang diambil daripada ajaran Islam yang mempunyai maksud yang bersifat universal. Menurut *Kamus Dewan* (2015: 33) *Ad-din* bermaksud satu cara hidup yang melengkapi seluruh aspek kehidupan dan tatacara manusia yang meliputi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Justeru, agama mempunyai cakupan yang lebih luas dan menyeluruh, iaitu merujuk kepada satu sistem kepercayaan yang erat.

Selain itu, kepercayaan ini adalah mengenai aspek ketuhanan iaitu Sang Pencipta yang menciptakan sekalian alam. Dalam konteks ini, kepercayaan yang berkaitan dengan aspek ketuhanan hanya melibatkan seorang individu lazimnya tidak dianggap sebagai sebuah agama. Sebaliknya, agama haruslah melibatkan sebuah kelompok masyarakat atau komuniti manusia yang berpegang teguh kepada suatu kepercayaan.

Manakala, agama menurut pandangan tokoh-tokoh Islam pula ditafsirkan dari perspektif yang berbeza mengikut pandangan masing-masing. Menurut Ramli Awang (2008: 16) “agama” membawa maksud melaksanakan sesuatu pegangan yang bersifat moral untuk mencapai kesejahteraan dalam hidup dan menjauhi perkara yang mendatangkan kemudaratian. Agama disifatkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjadi seorang mukmin yang cemerlang di dunia dan di akhirat kelak. Justeru itu, kepentingan agama perlu ditekankan dalam pembangunan sahsiah Muslim seantero dunia. Manakala, menurut Shamsul Amri Baharudin (2012: 146) “agama” merupakan suatu sistem kepercayaan yang dianut serta amalan yang dipegang oleh suatu masyarakat dan diyakini akan kewujudannya sebagai suci. Definisi yang dilontarkan oleh Shamsul Amri Baharudin ini merumuskan bahawa agama dilihat dari sudut bentuk dan amalannya dan fungsi kewujudan agama tersebut. Seterusnya, A. Mukti Ali (1982: 20) menyebut “barangkali tidak ada kata yang paling sulit diberi pengertian dan definisi soalan dari kata agama”. Dengan keadaannya yang sedemikian, A. Mukti Ali mengungkapkan pengertian agama adalah suatu yang sentiasa berkembang dan mempunyai cakupan yang amat luas iaitu merangkumi zahiriah dan batiniah manusia. Justeru, agama disimpulkan sebagai pelengkap dalam kehidupan manusia dan menjadi acuan kepada latar kehidupan sesebuah masyarakat.

Sehubungan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengusulkan istilah “keagamaan” yang akan digunakan sepanjang kajian ini sebagai kod-kod etika yang mengarahkan penganutnya untuk berbuat baik antara satu sama lain dan meninggalkan kepercayaan yang bertentangan dengan amalan kebiasaan kehidupan manusia.

### **1.8.3 “Nilai Keagamaan”**

Berdasarkan pemahaman mengenai takrifan “nilai” dan “keagamaan”, perbincangan ini seterusnya akan meneliti pemahaman mengenai “nilai keagamaan” yang digunakan sebagai definisi kerja bagi kajian ini. Menurut sarjana Barat iaitu Eduard Spranger (dlm Allport 1964: 7) “nilai keagamaan” ialah ukuran yang ditaksirkan atas perbuatan seseorang yang dinilai berdasarkan pertimbangan kepercayaan bahawa apa yang dilakukan itu adalah berlandaskan ajaran agama yang dianuti. Manakala, Jabir Qamihah (1996: 49) mentakrifkan “nilai keagamaan” sebagai himpunan akhlak yang membimbing keperibadian masyarakat Islam yang seterusnya menyumbang ke arah pembentukan keluarga dan masyarakat yang cemerlang kepada agama dan bangsa.

Nilai keagamaan merupakan landasan utama dalam membentuk keperibadian dan akhlak umat Islam. Oleh itu, nilai keagamaan yang berlandaskan Islam adalah yang berpaksikan kepada tauhid dan akidah. Bagi masyarakat Islam, nilai yang mereka pegang adalah berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al- sunnah. Selanjutnya, menurut Shuhairimi (2009: 21). “Nilai Keagamaan” ialah nilai yang memfokus kepada tiga aspek penting iaitu interaksi manusia dengan Allah (*ta’abudiyah*), interaksi manusia sesama manusia (*mu’amalah*) dan aspek interaksi manusia dengan alam (*khalifatul’ard*). Secara keseluruhannya, manusia adalah makhluk yang paling sempurna dicipta oleh Allah SWT yang dikurniakan akal fikiran. Maka atas dasar kesempurnaan ini, wujudnya hubungan antara ketiga-tiga jalinan tersebut.

Oleh yang demikian, hubungan ini juga memperlihatkan melengkapi antara satu sama lain. Sehubungan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengusulkan “Nilai keagamaan” yang akan digunakan sepanjang kajian ini sebagai himpunan akhlak dan adab yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al- Hadis.

#### 1.8.4 “Novel”

Menurut *Kamus Dewan* (2015: 1086) istilah “novel” ialah cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Menurut *Kamus ZA’BA* (2004: 806) “novel” ialah cerita berbentuk prosa yang mempunyai tahap kepanjangan yang tertentu. Manakala, maksud “novel” menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka adalah cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial.

Seterusnya, menurut Rahman Shaari (201: 65) mendefinisikan “novel” sebagai yang mengandungi watak dan perwatakan, latar, plot sesebuah cerita dan unsur-unsur fiksyen. Dalam konteks ini, pengarang menterjemah apa yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari manusia dan membentuk cerita untuk pembacaan khalayak. Selain itu, novel mempunyai elemen-elemen seperti konflik, percubaan menyelesaikan konflik, klimaks dan penyelesaian sesuatu konflik. Seterusnya, S. Othman Kelantan (1987: 16) pula memperihalkan “novel” ialah rakaman kehidupan manusia yang diperkatakan dalam bahasa yang kreatif. Di samping itu, “novel” merupakan perantara kepada pengarang bagi menterjemahkan gugusan idea dan seterusnya meluahkan penulisannya kepada khalayak.

Selanjutnya, Hashim Awang (1987: 64) merumuskan bahawa “novel” sebagai karangan cerita yang menceritakan rencam kehidupan manusia. Berdasarkan kenyataan Hashim Awang tersebut menggambarkan bahawa “novel” merupakan satu wasilah kepada pengarang untuk meluahkan kreativiti, imaginasi dan pemikirannya kepada pembaca. Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya (2005: 122) berpendapat bahawa “novel” merupakan suatu “manifestasi sosial” yang berkisar pergolakan dan kehidupan manusia dengan menjadikan kreativiti,

imaginasi dan keindahan bahasa sebagai pelengkapnya. “Novel” merupakan sebuah prosa panjang yang merangkumi sebuah kehidupan yang menggambarkan konflik manusia, pergolakan dan permasalahan masyarakat dan isu alam sekeliling. A. Wahab Ali (2009: 37) pula merumuskan “novel” ialah gambaran mengenai kejadian benar yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari manusia. Namun begitu, perbezaan yang terdapat dalam “novel” berbanding dengan kehidupan sebenar manusia ialah dari segi plot garapan penceritaan. Dalam konteks ini, pengertian “novel” yang diberikan oleh A. Wahab Ali memperlihatkan bahawa “novel” merupakan ilham pengarang yang diperhalusi dengan idea dan kreativiti bagi menjadikan sesebuah jalan cerita itu menarik perhatian khalayak.

Selain itu, Robert Marthe (1972: 3) mendefiniskan “novel” sebagai sebuah kehidupan dalam bentuk buku. “Novel” mengandungi pelbagai rencam kehidupan manusia yang digarap pengarang dalam bentuk fiksyen, cereka dan cerita rekaan. Manakala, Walter Scott (1995: 13) menyatakan bahawa *the novel is, it would seem, the ideal form examining these social and personal tensions which always exist in some shape or form at all times in all societies*. Berdasarkan pendapat Walter Scott, menyimpulkan bahawa “novel” mengandungi persoalan dan permasalahan masyarakat mengenai kehidupan sebenar yang didukung oleh beberapa watak.

Sehubungan dengan pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan dalam subjudul ini, kajian ini mengusulkan istilah “novel” yang akan digunakan sepanjang kajian ini sebagai penghasilan karya berbentuk kreatif yang dihasilkan pengarang berdasarkan pengalaman atau imaginasi dan juga kreativiti mengenai apa yang berlaku di sekeliling manusia. Jalan cerita “novel” kebiasaannya menggambarkan realiti kehidupan masyarakat. Isi cerita ini akan diolah dalam bentuk yang kreatif bagi mencantikkan jalan cerita yang ingin ditonjolkan kepada khalayak.

### 1.9 Kesimpulan

Sastera merupakan medium yang paling halus untuk membawa arus pemikiran dalam masyarakat Melayu. Karya-karya berunsur keagamaan berupaya membentuk akhlak dan keperibadian manusia. Penulis perlu kreatif dalam melontarkan idea dan menghasilkan karya yang sarat dengan pengajaran dan teladan. Sehubungan dengan ini, pengkajian yang mendalam mengenai novel-novel keagamaan Azizi Haji Abdullah dengan menerapkan teori Pengkaedahan Melayu diharapkan dapat menyumbang terhadap perkembangan dunia kesusastraan Melayu terutamanya yang berkaitan dengan sastera Islam. Nilai keagamaan yang dikaji menerusi sepuluh buah novel Azizi Haji Abdullah memberi manfaat serta pengetahuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai aspek serta cakupan nilai keagamaan. Oleh itu, kajian ini berupaya menjana pemikiran kreatif dan kritis serta melampaui sempadan penyelidikan sastera Melayu yang lebih meluas.

## BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2003). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Hj. Don & Hailan Hj. Salmon. (2009). Dakwah kepada non-Muslim di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran. *Al-Hikmah*, 1(1), 40-54.
- Abdullah Basmeih, Sheikh (ptrj). (2006). *Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Abdul Halim Ali. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusastraan Melayu Tradisional. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, Vol 2, 99-117.
- Adli Yaacob. (2018). Konsep Sastera Islam oleh Kassim Ahmad. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(4), 117-128.
- Ahmad Nabil Amir. (2019). Falsafah Pemikiran Islam. *FITRAH Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*, 5(1), 165-180
- Ali, A. Mukti. (1982). *Penelitian Agama di Indonesia: Masalah dan Pemikiran*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Ali Mahfuz. (1975). *Hidayah al-Mursyidin ila Turuq al-Wa'z wa al-Khitabah*. Mesir: Dar Misr li al-Tiba'ah.
- Allport, G.W. (1964) Mental Health: A Generic Attitude. *Journal of Religion and Health*, 4, 7-21
- al-Aluri & Adam 'Abdullah. (1979). *Tarikh al-Dakwah Bain al-Ams wa al-Yawm*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Arne L. Kalleberg. (1977). Work Values and Job Rewards: A Theory of Job Satisfaction. *American Sociological Review*, 42(1), 124-143.
- A. Wahab Ali. (2009). *Kesusasteraan Melayu dalam Bandingan dan Pendidikan*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Wahab Ali. (2000). *Kritikan Estetika Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Haji Abdullah. (2007). *Kuras-kuras Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badarudin H.O. (1966). Konsep Seni Sastera dalam Islam. *Dewan Bahasa*, Vol 2, 67-69

- Che Abdullah Che Ya & Hanapi Dollah. (2012). Persoalan Islam dalam karya Mana Sikana: Analisis Syajar dan Apa-Apa. *Jurnal Melayu*, Bil 9, 215-226.
- Chong, Ah Fok. (2008). *Kajian Terpilih Brunei Darussalam Dari Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Bandar Sri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Edwar, D & Saksono. (1996). *Hamzah Fansuri dan Nuruddin ar-Raniri*. Jakarta: Proyek Pengembangan Media Kebudayaan 1966.
- Rosmah Derak. (2013). Novel Islami Indonesia dan Malaysia: Satu Kajian Generik dan Psikologi Islam. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Halimah Mohammed Ali. (2014). Cinta Sufi dan Dakwah Ramlee Awang Mursyid: Pengaruhnya Terhadap Pembaca. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. Bil 2, 13-21.
- Hall, Babbie E. (2010). *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani. (1993). Imej Islam dalam Novel Arus Karya Anwar Ridhwan. *Seminar Antarabangsa Kesusastraan Melayu III*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 5 - 8 Julai.
- Hasan Baseri Budiman. (2011). Mengenangmu Azizi. *Dewan Sastera*, November 2011, 42-43
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusastraan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1989). Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu. *Dewan Sastera*, Disember 1989, 60-63
- Hashim Awang. (1993a). Menilai *Hidayah* dengan Pendekatan Dakwah. *Dewan Sastera*, November 1993, 73-78
- Hashim Awang. (1993b). Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusastraan Tanah Air. *Dewan Sastera*, Januari 1993, 13-17.
- Hashim Awang. (1994). Metodologi Kesusastraan Islam: Kaedah Penilaian. *Dewan Sastera*, Februari 1994, 10-15.
- Hashim Awang. (1998). Teori dan kritikan kesusastraan Melayu di Malaysia. *Pangsura*, 6 (4), 101-115.

- Hashim Awang. (1999). Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu. *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2-8 Disember.
- Hashim Awang. (2003). *Sejarah Kesusastraan Melayu Moden: Esei Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang. (2016). Pengkaedahan Melayu dalam Pembinaan Modal Insan. *Seminar Antarabangsa Kesusastraan Asia Tenggara (SAKAT) XII*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 26 - 27 September.
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18(1), 25-40.
- Hasninie Mohammad. (2013). Aspek Dakwah dalam Novel-novel Terpilih Faisal Tehrani. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Haslina Haroon & Adilah Zabir. (2018). Penggunaan Dialek dalam Seorang Tua di Kaki Gunung. *Jurnal Bahasa*, 18 (2), 286-318
- Ismail Hamid. (1983). Ciri-ciri Cereka Keislaman . *Seminar Nadwah Kesusastraan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1-3 Disember.
- Jelani Harun. (1999). Pengkaedahan Melayu: Mencanai Zahir Merungkai Batin. *Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 12-16 Mac.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil 12, Jun 2009, 19-37.
- Jumali Hj. Selamat & Che Abdullah Che Ya. (2010). Analisis Teks Cucu Tuk Wali Menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil. 13, Jun 2010, 19-36
- Kamal Pasah Lakim. (1997). Dakwah kepada Puak Asli di Negara Brunei Darussalam: Suatu Kajian dari Sudut Metode, Cabaran dan Harapan. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. (2006). Novel-novel Berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (1982). Menuju Sebuah Teori Sastera Islam. *Dewan Sastera*, November 1982, 25-30.

- Kamus Dewan* (Edisi Keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Za'ba*. (2004). Shah Alam: Pustaka Antara Books
- Keraf, Gorys. (2000). *Diksi dan Goya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- M. Abdul Ghoffar E. M. & Abu Ihsan al-Atsari (ptrj.) *Tafsir Ibnu Katsir (Jilid 1-8)*. (2004). Bogor: Pustaka Imam Asy Syafi'i
- Mana Sikana. (1988). *Asas Menganalisa Sastera*. Bangi: Penerbit Karyawan
- Mana Sikana. (1983). *Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn.Bhd
- Md.Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahamad. (1998). *Strategi Bahasa: Panduan Nahu dan Retorik untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mohamad Yazid Abdul Majid. (2010). Perbandingan bahasa kiasan dalam cerpen Arab dan Melayu. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Zulkarnain Mohamed & Pabiyah Toklubok@ Hajimaming. (2016). Perbandingan Definisi Sastera Islami menurut Pandangan Sarjana Dunia Arab dan Alam Melayu. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 3(1), 9-20
- Mohd Affandi Hassan. (2003). Unsur Jenaka dalam Novel Kawin-Kawin: Kegagalan Intelektual seorang Sasterawan. *Seminar Jenaka Melayu Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 21 – 23 Ogos.
- Mohd. Affandi Hassan. (2005). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* (ed. 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2010). Azizi Haji Abdullah: Elemen Niat Melalui Karya Novel. *Seminar Pemikiran Azizi Haji Abdullah*. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, 3 Ogos.
- Mohamad Hj Salleh. (2000). *Putika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2009). Pengaruh Barat dalam Persuratan Melayu Awal di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 11(1), 113-132
- Mohd Shukrey Ahmad. (2016). Nilai Islam dalam Komik Majalah Dewan Pelajar. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zariat Abd Rani. (2008). Karya Mithali Sastera Islam? Satu Penilaian Kritis Terhadap Novel *TIVI* Karya Shahnon Ahmad. *Islamiyat: The International Journal of Islamic Studies*, 30 (1), 29-55

- Mohd Zariat Abd Rani. (2013). Materialisme, Islam dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-Novel Popular Islami terbitan PTS Sdn. Bhd. Berdasarkan Persuratan Baru. *Jurnal e-Utama*, 4, 1-34.
- Mohd Zariat Abd Rani. (2011). Materialisme, Islam dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-novel Popular Islami Terbitan PTS Sdn. Bhd. Berdasarkan Persuratan Baru. *Kertas kerja Perhimpunan Penulis Muda Nasional (PPMN) Ke-3 bertemakan 'Pengukuhkan Makna Diri Pengarang Muda'*. Akademi Kenegaraan, Kuala Lumpur. 16-18 Disember
- Muhammad Bukhari Lubis. (1983). Estetika dalam Kesusasteraan Islam: Beberapa Pengamatan. *Seminar Nadwah Kesusasteraan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1-3 Disember.
- Muhammad Bukhari Lubis. (1994). Estetika dalam Kesusasteraan Islam: Beberapa Pengamatan. *Dewan Sastera*, Februari 1994, 6-9.
- Muhammad Fadzil Yusoff. (2012). Kosmologi dalam Puisi-Puisi Zurinah Hassan. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Muhsin Mansur Abdullah. (2014). Sangeetha dalam Diri Pengarangnya. Dlm. Siti Hajar Che Man (pnyt), *Sangeetha Dalam Kritikan*, (hlm. 13-32). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 10(2), 48-56
- Nasrudin. (2008). Dakwah Islam dalam Pemikiran Isma'il Raji al-Faruqi. *Komunika*, 2(1), Januari - Jun 2008, 32-41
- Nurazmi Kuntum. (1991). *Teori Dan Pemikiran Sastera Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nursafira Lubis & Asem Shehadeh Ali. (2014). Nilai-nilai Islam dalam Ayahanda Karya Azizi Haji Abdullah. *Seminar Kelestarian Insan 2014 (INSAN 2014)*. Batu Pahat: Johor, 9 -10 April.
- Nursham binti Abdul Aziz. (2015). Novel-novel Terpilih Azizi Haji Abdulah: Kajian Intertekstualiti. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaysia Pahang.
- Nursuhada Md Arifin et.al. (2019). Novel *Tarbiah* Galeri Ilmu Sdn Bhd: Satu Analisis Teks Terhadap Novel Andai Bavaria Takdirku. *Jurnal Melayu*, 18(2), 84-89
- Nor Ain Matnoh et.al. (2016). Simbolisme Watak dan Perwatakan Berdasarkan Konteks Sosio-Budaya Masyarakat Malaysia dalam Filem Ola Bola. *e-Bangi Journal*, 16(6), 1-13

- Noor Salawati, Zubir Idris & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). Perspektif Sosio Masyarakat dalam Novel novel Terpilih Karya Azizi Haji Abdullah. *Jurnal Melayu*, 20(1), 170-183.
- Noratiqah Binti Ahmad Kazmar & Azmul Fahimi Bin Kamaruzaman. (2018). Falsafah Sejarah Naquib al-Attas dalam Karya Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu. *Fikiran Masyarakat*, 6(3), 101-105
- Nordin bin Ahmad. (1997). Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Novel-novel Pilihan Shahnon Ahmad. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nyia See Keng. (2004). Nilai-nilai Kemanusian dalam sajak-sajak J.M Aziz dan T. Alias Taib. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Peirce, C.S. (1965). *Collected papers of Charles Sanders (Vol. I & II)*. Cambridge MA: Harvard University Press
- Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). Sajak-sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 29, 156-180.
- Qamihah, Jabir. (1996). *Nilai-nilai Islam satu Pengenalan*. (Terj, Mudasir Rosder & Mohd. Zawawi Abdullah). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ramli Awang. (2008). *Dialog antara Agama dari Perspektif al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Rohayati Junaidi et.al (2018). Persekutaran Kanak-kanak dalam Novel Beruk. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 106-121.
- Rahim Abdullah. (1999). Ulasan Terhadap Teori Pengkaedahan Melayu Prof. Dato. Hashim Awang. *Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 12 – 16 Mac.
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Robert Marthe. (1972). *Origins of the Novel*. Trans. Sacha Rabinovitch. Bloomington Indiana University Press.
- Rosni Yunus. (2010). Pemikiran Islam dalam Puisi-Puisi Johar Buang dari Sudut Pengkaedahan Melayu. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Rosni Samah. (2015). Pemikiran Sastera Islam dalam Perkembangan Sastera Arab Moden. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2),71-78
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Person Prentice

- Sahlan Mohd Saman dan Che Abdullah Che Ya. (2005). Novel. Dalam Sahlan Mohd Saman & Shaiful Bahri Md Radzi (Ed) *Persuratan Melayu: Tradisional ke Moden*, hlm. 122. Bangi: UKM
- Sahlan Mohd Saman. (2008). Pengkaedahan Melayu-Islam dalam Kritikan Sastera. *Jurnal Melayu*, Volume 3, 77-99.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2010). Pendekatan Dakwah Al-Ghazali kepada Golongan Pemerintah. *Jurnal Al-Hikmah*, Volume 2, 51-67
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik, Institut Kajian Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shafie Abu Bakar. (1980). *Sastera Melayu dan Islam dlm Kesusasteraan Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Shafie Abu Bakar. (1994). Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip. Dlm. Mana Sikana (ed.). *Teori, Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*, (hlm.57). Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shofian Ahmad. (2011). Falsafah Dakwah dalam Ekonomi Islam. *Jurnal Al-Hikmah* 3, Vol 3, 45-55.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman, Ilmu, Imaginasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan Dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shao Ying. (2012). Novel Kawin-Kawin: Analisis Konteks. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Siti Hajar Che Man. (2014). *Sangeetha Dalam Kritikan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Shuhairimi Abdullah. (2009). *Dinanisme Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar: Penerbit UniMap.
- Siti Rabeah Masri. (2013). Perbandingan Sahsiah Muslimah dalam Novel-Novel Pilihan. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Suraya Jantan. (2009). Analisis Konteks dan Wacana dalam Novel Kawin-Kawin. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.

- S. Othman Kelantan. (1987). *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Othman Kelantan. (1987). *Kecenderungan Baru Dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaidul Azam Kamaruddin. (2011). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Pilihan A. Aziz Deraman. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia
- Talib Samat. (1997). Unsur-unsur Islam dalam Novel Remaja. *Seminar Perkembangan Novel Remaja di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 12-13 November.
- Tarigan Henry Guntur. (1984). *Prinsip-Prinsip Dasar Sastra*. Bandung: Angkasa
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Ja'afar. (2012). Pemerksaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel. *Jurnal Melayu*, Bil. 9, 55-73.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2015). Takrif dan Manifetsasi “Turbiah” dalam Novel Popular Islami di Malaysia. *Pertanika MAHAWANGSA* (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu) 2 (2), 117 - 173
- Umar Junus. (1989). *Stilistik Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Scott, Walter. (1995). Tackling the text. In John Peck (Ed). *How to Study Novel*, (pp. 13) London: Macmillan Press Ltd.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2007). *Asas Nilai dan Norma Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.
- Othman Puteh. (1985). Kegigihan Watak Tukya. *Dewan Siswa*, Oktober 1985, 21-23
- Zahir Ahmad. (2005). Peranan Sastera Islam dalam Pembentukan Akhlak Penduduk Alam Melayu. *Jurnal Pengajaran Melayu*. Vol 15, 254-265

## BIODATA PELAJAR

Nadia binti Ishak dilahirkan di Pontian, Johor pada tanggal 2 Februari 1978. Melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia bagi ijazah pertama (2000-2003) dan ijazah sarjana (2006-2007). Selepas memperolehi ijazah pertama, memasuki sektor pekerjaan dalam bidang perindustrian dan pendidikan. Perkhidmatan terakhir adalah sebagai Pensyarah di Southern University College, Johor Bahru (2011-2015) sebelum melanjutkan di Universiti Putra Malaysia bagi mengikuti pengajian peringkat doktor falsafah. Beliau juga telah menghasilkan enam buah artikel iaitu dua artikel bahasa Melayu dan empat artikel bahasa Inggeris. Artikel bahasa melayu yang pertama ialah berjudul “Aspek Dakwah dalam Novel *Suriati* Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu” yang diterbitkan dalam Jurnal *Malay Literature* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan artikel kedua bertajuk “Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman dalam Novel *Ayahanda*” yang diterbitkan dalam *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)* terbitan Universiti Malaysia Sabah. Manakala, artikel bahasa Inggeris ialah “Application of Theory of Malay Methodology in Light of the Rural Through an Art Approach” yang diterbitkan dalam *International Journal on Studies in English Language and Literature* terbitan Academician Research Centre Publications. Seterusnya artikel bahasa Inggeris ialah “Literature Role in The Daily Malay Community in The Novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* from The Perspective Theory of Pengkaedahan Melayu”. Artikel ketiga ialah “Nature and Symbol Useable Approach in The Novel *Harga Sebuah Maruah*” yang diterbitkan dalam *International Journal of Academic Research in Business and Social Science* terbitan Human Resource Management Academic Research Society dan artikel bahasa Inggeris yang terakhir iaitu “Uslub Tasybih in Malay Figurative Language in The Novel *Suriati* From a fine Arts Approach” yang diterbitkan dalam Jurnal *Malay Literature* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Selain itu, beliau telah menjadi pembentang di International Language Culture and Education Conference 2019 (LCE International 2019) menerusi tajuk “Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Cahaya Di Pedalaman Menerusi Pendekatan Seni” anjuran Kolej Universiti Islam Melaka dan Kong Zhi Institute, Universiti Malaya pada 28-29 Ogos 2019 bertempat di Holiday Inn Melaka.

## SENARAI PENERBITAN

- Nadia binti Ishak, Kamariah Kamarudin. (2022). "Uslub Tasybih in Malay Figurative Language in The Novel Suriati From a fine Arts Approach". *Malay Literature Journal, Malay Literature Journal* (Dewan Bahasa dan Pustaka). Vol. 35(1): 65-82.
- Nadia binti Ishak, Kamariah Kamarudin, Norazlina Mohd. Kiram & Haliza Abdul Rahman. (2021). "Nature and Symbol Useable Approach in The Novel *Harga Sebuah Maruah*". *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*. Vol. 11 (19): 264 -274
- Nadia binti Ishak, Kamariah Kamarudin, Halis Azhan Mohd. Hanafiah, Haliza Abdul Rahman. (2021). "Literature Role in The Daily Malay Community in The Novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* from The Perspective Theory of Pengkaedahan Melayu". *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*. Vol. 11(6): 1-14
- Nadia binti Ishak, Kamariah Kamarudin. (2020). "Application of Theory of Malay Methodology in *Light of the Rural* Through an Art Approach". *International Journal on Studies in English Language and Literature*, Volume-8 Issue (4) :19-25
- Nadia binti Ishak, Kamariah Kamarudin. (2019). "Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman dalam Novel Ayahanda". *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. Bil. 30/2019:103-129
- Nadia binti Ishak, Kamariah Kamarudin. (2019). "Aspek Dakwah dalam Novel *Suriati* Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu". *Malay Literature Journal, Malay Literature Journal* (Dewan Bahasa dan Pustaka). Bil. 32 (1): 116-144



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

NILAI KEAGAMAAN DALAM NOVEL TERPILIH AZIZI HAJI ABDULLAH

NAMA PELAJAR : NADIA BINTI ISHAK

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)  
**Pengesahan oleh:**

(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]